



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM2093
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **10** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. _____ adalah untuk pekerja sepenuh masa dan tetap.
 - A Pasaran luar
 - B Pasaran utama
 - C Pasaran sekunder
 - D Pasaran dalaman

2. Manakah antara berikut berkaitan tentang pasaran buruh?
 - A Jenis pasaran buruh.
 - B Fungsi pasaran buruh.
 - C Penentu pasaran buruh.
 - D Keseimbangan pasaran buruh.

3. Negara M mengalami masalah kekurangan tenaga buruh disebabkan penduduk dalam negara tersebut telah berhijrah dan berkerja ke luar negara. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya situasi tersebut?
 - A Globalisasi.
 - B Mobiliti buruh.
 - C Imigresen bersih.
 - D Pengagihan umur.

4. Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang benar tentang teknik penilaian eksekutif?
- A Manap merupakan seorang Eksekutif Jualan dan beliau akan melakukan penilaian hasil jualan setiap hujung tahun.
 - B Encik Kadir mendapati terdapat perubahan berkenaan cara kerja yang berkesan yang telah ditunjukkan oleh pekerjaanya selepas mengikuti program latihan tempoh hari.
 - C Zairi seorang Eksekutif Sumber Manusia dan beliau sentiasa berusaha dalam mempelajari pengetahuan baharu walaupun sudah lama bekerja di dalam bidang tersebut.
 - D Kamal merupakan seorang Eksekutif Kanan dan beliau telah menilai pekerja bawahannya di dalam beberapa siri bagi memastikan mereka memenuhi kehendak organisasi.

5.

Syarikat Maju Terus Sdn. Bhd. diramal akan menerima pekerja secara purata seramai tiga orang dalam jangka masa sebulan. Oleh itu, dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini boleh diramalkan seramai 36 orang pekerja baharu akan berada dalam Syarikat Maju Terus Sdn. Bhd.

Pernyataan 1

Merujuk pernyataan 1, apakah teknik yang digunakan oleh Syarikat Maju Terus Sdn. Bhd. dalam meramal penawaran tenaga kerja?

- A Analisis statik.
- B Teknik delphi.
- C Teknik ramalan.
- D Teknik ekstrapolasi.

6. Apakah maksud meramal sumber manusia?

- A Merupakan bilangan dan jenis pekerja yang diperlukan oleh organisasi pada masa akan datang.
- B Merujuk kepada kadar permintaan dan penawaran pekerja bagi memenuhi kekosongan jawatan.
- C Merupakan satu anggapan analisis keperluan tenaga buruh untuk sesebuah organisasi.
- D Merujuk kepada objektif keperluan syarikat dalam mendapatkan pekerja yang mahir.

7. Encik Lokman ingin mengembangkan perniagaan roti yang diusahakannya dengan menyasarkan jumlah pengeluaran roti sebanyak satu juta unit sebulan. Beliau bercadang ingin menambah jumlah pekerja bagi memastikan sasaran yang ditetapkan tercapai. Apakah langkah yang telah digunakan oleh Encik Lokman dalam meramal perancangan sumber manusia?

- A Penilaian perancangan.
- B Peramalan ketersediaan sumber manusia.
- C Perbandingan keperluan dengan ketersediaan.
- D Pembentukan dan pelaksanaan rancangan sumber manusia.

8. Apakah maksud bagi istilah *SMART*?

A	<i>Specific</i>	<i>Measurement</i>	<i>Achievable</i>	<i>Real</i>	<i>Time-Bount</i>
B	<i>Specific</i>	<i>Measurable</i>	<i>Achievable</i>	<i>Relevant</i>	<i>Time-Bount</i>
C	<i>Scientific</i>	<i>Measurement</i>	<i>Achievable</i>	<i>Real</i>	<i>Time-Bount</i>
D	<i>Scientific</i>	<i>Measurable</i>	<i>Achievable</i>	<i>Relevant</i>	<i>Time-Bount</i>

9. Mengapakah matlamat *SMART* penting dalam perancangan strategik sesebuah syarikat?

- A Mengekalkan semangat ahli pasukan dalam organisasi.
- B Mengeratkan hubungan kerja berpasukan di tempat kerja.
- C Meningkatkan nilai kerjasama dalam memotivasikan ahli pasukan.
- D Membantu pekerja mencapai matlamat yang ditetapkan oleh organisasi.

10. Ali merupakan anggota berpencen di Syarikat MLC dan berumur 38 tahun. Beliau telah berkhidmat di syarikat tersebut selama 15 tahun. Beliau bercadang ingin bersara daripada pekerjaan beliau bagi meneruskan minatnya di dalam bidang keusahawanan.

Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan 2, apakah jenis persaraan yang sesuai untuk Ali?

- A Persaraan paksa.
- B Persaraan pilihan.
- C Persaraan kerjaya.
- D Persaraan kesihatan.

11. Pilih padanan yang **benar** tentang pengecilan saiz dalam sumber manusia (*downsizing*).

A	Anjakan strategi.	Syarikat Meta mengambil alih syarikat <i>Instagram</i> .
B	Teknologi baru.	Penggunaan <i>tiktok</i> dapat membantu dalam melancarkan pemasaran syarikat.
C	Kemerosotan industri.	Pihak syarikat mengalami kerugian dalam membuat pelaburan.
D	Pengurusan baharu.	Majikan telah merombak struktur organisasi syarikat.

12. _____ bermaksud pekerja membuat keputusan untuk meninggalkan kerja atas kerelaan mereka sendiri.

- A Penamatan sukarela
- B Payung terjun emas
- C Penempatan luar
- D Bersara awal

13. Manakah antara berikut merupakan faktor persekitaran dalam mereka bentuk sistem kerja?

- A Meningkatkan kepuasan kerja di tempat kerja.
- B Jangkaan keperluan sumber manusia dalam sistem sosial.
- C Meningkatkan kecekapan pekerja dalam sesebuah organisasi.
- D Kesinambungan yang terbaik agar setiap jawatan diisi dengan penuh.

14. Berdasarkan padanan di bawah, pilih padanan yang **benar** bagi mengatasi masalah kelemahan khidmat luaran (*outsourcing*).

A	Kurang kawalan	Syarikat B merupakan syarikat pemaju perumahan tetapi tidak mempunyai kemahiran di dalam mereka bentuk hiasan dalaman. Syarikat B telah melantik kontraktor lain bagi tugas tersebut.
B	Isu komunikasi	Syarikat E mendapat tender bagi pembinaan pencawang internet di kawasan pedalaman Sabah yang tidak mempunyai jaringan internet yang baik. Syarikat E tidak bercadang untuk mengatasi masalah tersebut.
C	Masalah kualiti	Syarikat C dapat menyelesaikan projek perumahan di tapak pembinaan dalam tempoh yang ditetapkan. Namum begitu, terdapat rekahan ketara hampir 50% terhadap rumah yang telah siap dibina.
D	Kesan terhadap budaya syarikat	Mariam berkecil hati dengan pengurusan syarikatnya kerana telah melantik pihak luar bagi menyelesaikan tugas beliau.

15. Sarah merupakan seorang pekerja kilang roti. Sepanjang dua tahun bekerja, beliau telah ditugaskan di bahagian pembungkusan roti. Pada minggu hadapan majikannya telah mengarahkan beliau untuk bertugas di bahagian pembakaran roti.

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan 3, apakah alternatif reka bentuk pekerjaan yang akan dilaksanakan oleh Sarah?

- A Pusingan kerja.
 - B Perluasan kerja.
 - C Pemerayaan kerja.
 - D Reka bentuk berasaskan pasukan.
16. Apakah definisi perekrutan?
- A Kaedah mengenal pasti calon dalaman yang layak sahaja kepada syarikat.
 - B Kaedah carian calon luaran yang banyak untuk keperluan organisasi.
 - C Proses mendapatkan maklumat dan mengenal pasti calon pekerja.
 - D Proses mencari dan mendapatkan bakal calon pekerja baharu.
17. Apakah kepentingan perekrutan dan pemilihan pekerja dalam sesebuah organisasi?
- A Pengurusan berkesan.
 - B Orentasi dan induksi.
 - C Penilaian mutu kerja.
 - D Analisis pekerjaan.

18. Manakah antara berikut merupakan struktur persekitaran luaran?
- A Merupakan fungsi utama bagi menentukan fungsi pengambilan pekerja dalam organisasi.
 - B Antara perubahan dalam komposisi aktiviti perindustrian dalam sesebuah organisasi
 - C Peningkatan produktiviti yang kukuh serta mambantu mengembangkan ekonomi.
 - D Peningkatan golongan pekerja wanita dalam pasaran buruh bagi sesebuah negara.

19. Encik Leman telah mendapat tawaran kerja yang berstatus sambilan di Holiday Inn Hotel. Antara faedah yang akan diterima oleh Encik Leman adalah seperti berikut:
- I. Bayaran upah RM 100 sehari.
 - II. Tempoh perkhidmatan adalah selama enam bulan sahaja.

Pernyataan 4

Berdasarkan pernyataan 4, apakah jenis pengambilan pekerja sementara yang sesuai dengan situasi di atas?

- A Pekerja sambilan tetap.
 - B Pekerja separa masa tetap.
 - C Pekerja sambilan bermusim.
 - D Pekerja sambilan sementara.
20. Abu merupakan agen swasta yang dilantik untuk membuat pengambilan pekerja baharu secara dalam talian. Beliau telah menggunakan Sistem Maklumat Sumber Manusia (HRIS) untuk menghubungi calon-calon yang berkelayakan. Apakah proses pengambilan yang telah digunakan oleh Abu?
- A Mengurus permohonan.
 - B Membuat hubungan.
 - C Menghubungi calon.
 - D Menapis calon.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

a. Jelaskan mana-mana **dua (2)** kesan pengecilan (*downsizing*) dalam sesebuah syarikat beserta contoh.

(5 markah)

b. Encik Ayman ingin mengecilkan syarikatnya kerana beliau mendapati perniagaannya mengalami kerugian disebabkan beberapa faktor luar jangka. Antara alternatif yang mungkin diambil oleh beliau adalah dengan mengurangkan jumlah pekerja agar kos operasi dapat dikawal. Bagaimana Encik Ayman boleh mengatasi masalah ini?

(10 markah)

SOALAN 2

a. Jelaskan mana-mana **dua (2)** alternatif jadual kerja beserta contoh.

(5 markah)

b. Bagaimanakah reka bentuk tempat kerja boleh meningkatkan prestasi kerja individu?

(10 markah)

SOALAN 3

a. Mengapakah perekrutan dan pemilihan pekerja penting untuk dilakukan oleh sesebuah syarikat?

(8 markah)

b. Terdapat kekosongan jawatan sebagai kerani di Unit Kajian dan Pembangunan (R&D). Majikan mencadangkan agar calon yang dipilih adalah daripada sumber luaran. Apakah yang menyebabkan majikan memilih sumber perekrutan luaran berbanding sumber perekrutan dalaman?

(7 markah)

SOALAN 4

a. Lakarkan proses pemilihan pekerja yang sempurna yang telah anda pelajari.

(7 markah)

b. Badrul baru menamatkan pengajian dari sebuah kolej swasta di Kuala Lumpur. Beliau dapati terdapat banyak tawaran jawatan kosong di dalam media sosial. Beliau perlulah menyediakan resume sekiranya beliau berhasrat untuk memohon jawatan kosong berkenaan. Anda diminta membantu Badrul untuk menyediakan resume berkenaan. Antara perkara yang perlu ada dalam resume adalah seperti berikut:

- | | |
|--|------------|
| i. Format | (1 markah) |
| ii. Dua (2) latar belakang diri | (2 markah) |
| iii. Latar belakang pendidikan | (1 markah) |
| iv. Dua (2) kemahiran | (2 markah) |
| v. Pengalaman | (1 markah) |
| vi. Rujukan | (1 markah) |

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

2

